



Maklumat Pantas

Maklumat Perhubungan

<http://mymagic.my/ppisk>

socialimpact@mymagic.my

Agensi

Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC)

Program Perolehan Impak Sosial Kerajaan (PPISK) adalah program perolehan sosial awam bertujuan untuk mendorong impak sosial dan alam sekitar yang positif di Malaysia melalui daya beli Kerajaan.

Apakah Perolehan Sosial?

- Perolehan Sosial adalah penggunaan daya beli untuk menyokong dan meningkatkan impak sosial dan / atau alam sekitar bagi produk dan / atau perkhidmatan yang digunakan.

Apakah Perusahaan Sosial?

- Perniagaan yang menghasilkan impak sosial atau alam sekitar yang positif secara proaktif dan mempunyai kemampuan kewangan yang berterusan



Maklumat Pantas

Maklumat Perhubungan

<http://mymagic.my/ppisk>

socialimpact@mymagic.my

Agensi

Malaysian Global Innovation &
Creativity Centre (MaGIC)

Bagaimanakah Perolehan Sosial memberi impak?

- Setiap pembelian produk dan / atau perkhidmatan dari perusahaan atau organisasi sosial memastikan pengaliran pendapatan / sokongan / sumber yang signifikan kepada matlamat sosial atau alam sekitar dan memberikan sokongan atau bantuan kepada golongan tertentu yang kurang bernasib baik.

Apakah PPISK?

- PPISK merupakan program perolehan sosial dari Kerajaan Malaysia yang bertujuan untuk mendorong impak sosial dan alam sekitar yang positif. Ini adalah program perintis yang diumumkan dalam Belanjawan 2021 sebagai eksperimen untuk memperkenalkan perolehan sosial di semua entiti Kerajaan serta menyediakan platform untuk meningkatkan kapasiti dan kemampuan perniagaan yang berimpak sosial, seperti Perusahaan Sosial (SE) dan inovator sosial lainnya (SI) dalam menyediakan produk dan / atau perkhidmatan berdasarkan impak.



Maklumat Pantas

Maklumat Perhubungan

<http://mymagic.my/ppisk>

socialimpact@mymagic.my

Agensi

Malaysian Global Innovation &
Creativity Centre (MaGIC)

Apakah tujuan PPISK?

- Objektif utama PPISK adalah:
 - memberi ganjaran kepada perniagaan berimpak sosial termasuk usahawan sosial ("SE") dan inovator sosial ("SI") yang menawarkan impak sosial yang boleh diukur sebagai sebahagian nilai perolehan daripada projek, produk dan / atau perkhidmatan;
 - mewujudkan peluang atau daya saing yang saksama untuk mendapatkan kontrak perolehan dan mengembangkan lagi model / produk / perkhidmatan perniagaan bagi perniagaan berimpak sosial yang mempunyai penyelesaian berimpak;
 - menyokong perkembangan perniagaan berimpak sosial dan menarik minat pelabur impak melalui rekod kontrak kerajaan dalam jangka masa panjang; dan
 - meningkatkan kesedaran dan mendorong pembelian berdasarkan impak untuk menyokong perniagaan berimpak sosial sebagai elemen yang penting dalam pembangunan Ekonomi Malaysia yang mampan dan saksama.

Bagaimana PPISK berfungsi?

- Pemohon yang disahkan oleh MaGIC di bawah PPISK akan berdaftar melalui proses e-Perolehan Kerajaan Malaysia dan, setelah mendapat kelulusan, pemohon akan disenaraikan sebagai vendor kepada kerajaan untuk mendapatkan peluang perolehan.



Maklumat Pantas

Maklumat Perhubungan

<http://mymagic.my/ppisk>

socialimpact@mymagic.my

Agensi

Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC)

Apakah peluang dan faedah perolehan di bawah PPSIK?

- Pemohon PPISK yang disahkan akan berdaftar di dalam sistem e-Perolehan dan setelah mendapat kelulusan, pemohon berhak mendapat peluang perolehan seperti berikut:
 - Apabila terdapat sebarang keperluan perolehan, keutamaan akan diberikan bagi produk dan/atau perkhidmatan yang tersedia dan ditawarkan oleh pemohon PPISK yang diluluskan di dalam sistem e-Perolehan.
 - Pemohon PPISK mendapat peluang perolehan langsung sehingga RM20,000 setiap transaksi, tanpa had jumlah transaksi tahunan serta berpeluang untuk menyertai tender terbuka jika layak.
 - Pemohon yang disahkan akan dikecualikan daripada syarat e-Perolehan termasuk:
 - i. Beroperasi di premis perniagaan; dan
 - ii. Penyerahan caruman KWSP terkini *

*sila rujuk kepada borang permohonan pengesahan PPISK untuk maklumat yang perlu dihantar.



Maklumat Pantas

Maklumat Perhubungan

<http://mymagic.my/ppisk>

socialimpact@mymagic.my

Agensi

Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC)

Siapakah pihak yang terlibat dalam melaksanakan PPISK?

- PPISK adalah inisiatif dari unit e-Perolehan di bawah Kementerian Kewangan ("MOF").
- Pusat Inovasi & Kreativiti Global Malaysia ("MaGIC") dilantik untuk mentadbir dan menilai aplikasi PPISK untuk mendapat kelulusan permohonan bagi pihak MOF.
- 5 Kementerian Rintis telah dipilih untuk pelaksanaan perintis untuk memperolehi dari vendor yang diluluskan melalui PPISK, iaitu:
 - Kementerian Kewangan (MOF)
 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
 - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK)
 - Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)
 - Kementerian Pendidikan (KPM)

Bilakah PPISK akan dilaksanakan dan berapa lama?

- PPISK akan dibuka untuk permohonan mulai 15 April 2021 untuk jangka masa 12 bulan.



Maklumat Pantas

Maklumat Perhubungan

<http://mymagic.my/ppisk>

socialimpact@mymagic.my

Agensi

Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC)

Apakah rangkaian produk dan / atau perkhidmatan yang dilindungi di bawah PPISK?

- Tidak ada kategori produk dan / atau perkhidmatan yang ditentukan di bawah PPISK, walaubagaimanapun ia harus disediakan oleh organisasi yang disahkan dan / atau diluluskan untuk menyertai program PPISK dan relevan dengan keperluan dan / atau permintaan Kementerian Perintis. Secara umum, produk dan / atau perkhidmatan dikategorikan sebagai berikut:
 - Asas: produk dan / atau perkhidmatan
 - Makanan dan Minuman
 - Hadiah dan Barang Dagangan
 - Seni dan Hiburan
 - Pelancongan dan Lawatan
 - Sukan dan Kecergasan
 - Perkhidmatan Dobi & Pembersihan
 - Lanjutan: Barangan dan perkhidmatan komersil
 - Bahan Industri
 - Program Latihan dan Pendidikan
 - Perkhidmatan Berkaitan Kesihatan
 - Perkhidmatan Nilai Tambah Lain



Maklumat Pantas

Maklumat Perhubungan

<http://mymagic.my/ppisk>

socialimpact@mymagic.my

Agensi

Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC)

Adakah terdapat bayaran untuk permohonan?

- Ya, terdapatnya bayaran sekali RM450.00 bagi pendaftaran 'Akaun MOF' di sistem e-Perolehan dan setelah diluluskan, sah akaun selama 3 tahun.

Apakah proses permohonan PPISK?

- Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan melalui platform dalam talian yang dikenal pasti oleh MaGIC
- Dalam 14 hari bekerja, MaGIC akan memproses, menilai dan mengesahkan kelayakan pemohon mengikut kriteria pengesahan
- Setelah berjaya disahkan oleh MaGIC, pemohon diminta untuk menghantar pendaftaran bagi 'Akaun MOF' di bawah portal e-Perolehan untuk mendapat kelulusan
- Setelah memasuki sistem e-Perolehan, MaGIC akan menyenaraikan pemohon yang diluluskan sebagai 'vendor PPISK'serta produk dan / atau perkhidmatan mereka dibawah kempen "Buy For Impact" untuk pengumuman, dan pemasaran
- Setelah menyelesaikan pendaftaran dan kelulusan, pemohon yang diluluskan dapat membekalkan produk/ perkhidmatan kepada kerajaan melalui perolehan secara langsung.



Siapakah yang layak memohon PPISK?

Maklumat Pantas

Maklumat Perhubungan

<http://mymagic.my/ppisk>

socialimpact@mymagic.my

Agensi

Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC)

Kategori	Kriteria kelayakan
Akreditasi Perusahaan Sosial (SE.A)	<ul style="list-style-type: none"> ● Perusahaan sosial (SE) yang diakreditasi di bawah Akreditasi SE (SE.A) yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) ● Garis Panduan SE.A mentakrifkan bahawa SE adalah entiti yang: <ul style="list-style-type: none"> ○ mempunyai matlamat sosial atau alam sekitar yang dinyatakan dengan jelas; ○ memperuntukkan sejumlah besar sumber untuk mencapai matlamat sosial atau alam sekitar dengan memenuhi <u>salah satu</u> perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> ■ sekurang-kurangnya 50% tenaga kerja dari kumpulan sasar; ■ minimum 35% kos perniagaan dibelanjakan untuk mencapai misi alam sekitar atau disalurkan ke arah menyediakan pendapatan, latihan dan / atau barang / perkhidmatan bersubsidi kepada kumpulan sasar; ■ sekurang-kurangnya 50% keuntungan diagihkan kembali ke operasi perniagaan untuk mencapai misi sosial / alam sekitar ○ dilengkapi dengan model perniagaan yang mampan untuk impak jangka panjang dengan lebih daripada 50% dari jumlah pendapatan tahunan diperolehi dari jualan barangan/perkhidmatan berbanding dengan sumbangan atau geran



Siapakah yang layak memohon PPISK?

Maklumat Pantas

Maklumat Perhubungan

<http://mymagic.my/ppisk>

socialimpact@mymagic.my

Agensi

Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC)

Kategori	Kriteria kelayakan
Perusahaan Sosial yang tidak berakreditasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Perniagaan impak sosial lain yang memenuhi kriteria berikut: <ul style="list-style-type: none"> ○ berdaftar dengan MaGIC; ○ mempunyai matlamat sosial atau alam sekitar yang jelas; ○ memperuntukkan sejumlah besar sumber untuk mencapai matlamat sosial atau alam sekitar dengan memenuhi <u>salah satu</u> kriteria berikut: <ul style="list-style-type: none"> ■ sekurang-kurangnya 30% tenaga kerja adalah daripada kumpulan sasaran ■ 15% kos perniagaan disalurkan untuk menyediakan pendapatan, latihan dan/atau barangan / perkhidmatan bersubsidi kepada kumpulan sasaran ■ 30% daripada keuntungan diperuntukkan untuk mencapai misi sosial/alam sekitar: dan ○ dilengkapi dengan model perniagaan yang mampan untuk impak jangka panjang dengan lebih daripada 30% daripada jumlah pendapatan tahunan diperoleh dari jualan barangan/ perkhidmatan berbanding dengan sumbangan atau geran



Maklumat Pantas

Maklumat Perhubungan

<http://mymagic.my/ppisk>

socialimpact@mymagic.my

Agensi

Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC)

Siapa yang boleh menyertai PPISK?

- Pemohon yang mempunyai:
 - model perniagaan impak sosial yang disahkan seperti yang dinilai dan diperakui oleh MaGIC
 - pelbagai produk dan/atau perkhidmatan yang relevan dan layak untuk mendapat perolehan dari kementerian rintis
 - kepatuhan kepada kriteria e-Perolehan termasuk:
 - a. Minimum modal berbayar sebanyak RM2,500 (atau kemukakan senarai pemegang amanah dan sijil pendaftaran untuk ROS)
 - b. Akaun bank yang sah dibawah nama organisasi pemohon
 - c. Berdaftar di bawah undang-undang yang ditetapkan (SSM / ROS / SKM / Pendaftar Negeri)
 - d. Minimum satu pekerja

Apakah yang perlu dilakukan setelah disahkan oleh MaGIC?

- Setelah disahkan oleh pihak MaGIC, pemohon boleh menerusi ke laman web [e-Perolehan](#) untuk pendaftaran rasmi dibawah 'Akaun MOF' dengan syarat berikut:
 - Bayaran permohonan RM450 untuk didaftarkan sebagai vendor di bawah e-Perolehan; dan;
 - Tertakluk kepada terma dan syarat. Lawati [pendaftaran e-Perolehan](#).



Maklumat Pantas

Maklumat Perhubungan

<http://mymagic.my/ppisk>

socialimpact@mymagic.my

Agensi

Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC)

Bagaimanakah saya mengetahui bahawa saya mendapat peluang perolehan atau senarai pesanan?

- Pemohon harus log masuk kerap kali ke portal e-Perolehan untuk pengurusan dan pemenuhan peluang perolehan dari pihak Kerajaan.

Adakah saya memerlukan wakil bagi urusan pendaftaran e-Perolehan?

- Ya, pemohon harus melantik wakil yang sah untuk berhubung dengan pegawai e-Perolehan untuk proses pendaftaran.

Apakah keperluan pelaporan di bawah PPISK?

- Pemohon diminta untuk mengemukakan setiap suku tahun mengenai kemajuan perolehan, termasuk data impak seperti yang ditentukan oleh MaGIC, melalui platform yang dikenal pasti oleh MaGIC.



Maklumat Pantas

Maklumat Perhubungan

<http://mymagic.my/ppisk>

socialimpact@mymagic.my

Agensi

Malaysian Global Innovation &
Creativity Centre (MaGIC)

Bolehkah saya menyerahkan senarai produk dan / atau perkhidmatan yang berbeza daripada senarai yang telah saya serahkan kepada MaGIC bagi mendapatkan pengesahan e-Perolehan?

- Tidak, pemohon harus mengemukakan senarai produk dan / atau perkhidmatan yang sama ke MaGIC untuk pengesahan dan ke Unit e-Perolehan untuk pendaftaran.

Adakah permohonan semula dibenarkan?

- Permohonan yang ditolak adalah dibenarkan untuk memohon semula setelah memenuhi kriteria kelayakan.

Bagaimanakah data dan maklumat permohonan saya akan diperlakukan?

- Setelah mengemukakan permohonan termasuk maklumat data peribadi, pemohon bersetuju dengan dasar privasi dan pengendalian data MaGIC dan mengisytiharkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar dan betul. Semua permohonan dan penyerahan akan dilakukan dengan kepercayaan penuh dan proses sulit untuk tujuan PPISK sahaja.



Maklumat Pantas

Maklumat Perhubungan

<http://mymagic.my/ppisk>

socialimpact@mymagic.my

Agensi

Malaysian Global Innovation &
Creativity Centre (MaGIC)

Apakah yang akan menyebabkan pembatalan permohonan PPISK?

- Pihak MaGIC dan MOF berhak membatalkan permohonan yang diluluskan, pada bila-bila masa, sekiranya terdapat maklumat dan bukti yang mengesahkan perkara berikut:
 - ❑ penyalahgunaan maklumat secara sengaja semasa permohonan;
 - ❑ penglibatan aktiviti penipuan atau pengubahan wang haram; dan / atau
 - ❑ perubahan besar atau ketara dari objektif dan impak yang diharapkan seperti yang dinyatakan semasa permohonan.

Adakah soalan yang tidak diliputi oleh Soalan Lazim?

- Sila hantar pertanyaan anda ke socialimpact@mymagic.my.

Dari manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut untuk memohon PPISK?

- Sila kunjungi laman web Program Perolehan Impak Sosial Kerajaan (PPISK) di <http://mymagic.my/ppisk>